

Surat khabar: Utusan Sarawak
Hari/Tarikh: 7/11/2016
Muka surat: 7

Tajuk : Gotong-royong mengecat pejabat IPPBU Unimas

Gotong-royong mengecat pejabat IPPBU Unimas

BAHAGIAN Keselamatan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) telah mengadakan program gotong-royong mengecat bangunan Ibu Pejabat Polis Bantuan Unimas (IPPBU) di Kampus Timur, baru-baru ini. Program tersebut bermula awal pagi sehingga petang

PARA pelajar sedang bergotong-royong mengecat bangunan Ibu Pejabat Polis Bantuan UNIMAS di Kampus Timur.

melibatkan kerja-kerja mengecat dinding bangunan dan sekali gus mempraktikkan amalan 5S dalam dan luar pejabat.

Program gotong-royong ini dirasmikan oleh Naib Canselor Unimas, Profesor Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi dan Pendaftar Unimas, Abu Bakar Ibrahim.


Turut membantu program gotong-royong ini ialah pelajar tahun satu Unimas seramai 41 orang yang diketuai oleh Pensyarah Fakulti Sains Sosial, Dayangku Norasyikin Awang Tejuddin.

Antara objektif program

ini diadakan adalah untuk mewujudkan suasana seperti keadaan Balai Polis di tempat lain selain menyemarakkan keindahan dan keceriaan persekitaran IPPBU supaya persekitaran bersih, selamat dan kondusif.

Dengan adanya program gotong-royong ini dapat memupuk rasa tanggungjawab terhadap kebersihan disamping dapat membentuk sikap dan perlakuan yang positif terhadap kebersihan dan keceriaan sekali gus melahirkan semangat kekeluargaan dan kekitaan di kalangan warga Unimas.

PROFESOR Kadim sedang mengecat bangunan Ibu Pejabat Polis Bantuan Unimas di Kampus Timur.



PROFESOR Kadim bergambar bersama kakitangan polis bantuan Unimas dan para pelajar semasa program gotong-royong.